

Lawatan PM ke Perancis perluas kerjasama

Daripada OTHMAN MOHAMAD

PARIS 19 Julai — Lawatan kerja Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ke Perancis bermula esok akan dapat memperluaskan lagi kerjasama Malaysia-Perancis yang kini bertumpu kepada bidang pendidikan dan pertahanan.

Duta Besar Malaysia ke Perancis, Datuk Hamidah Mohd. Yusoff berkata, antara bidang yang akan diberi tumpuan ialah cara mana kedua-dua negara dapat mempertingkatkan hubungan dagang.

"Ketika ini banyak bahan makanan dan buah-buahan tropika seperti durian, sayur-sayuran dan beras yang dibawa masuk ke Perancis dari Thailand, negara-negara Indochina dan negara lain di rantau Asia," katanya pada sidang akhbar di pejabat Kedutaan Besar Malaysia di 16 District, di sini hari ini.

Oleh itu, beliau yakin ruang terbuka luas bagi pengusaha di Malaysia menerokai pasaran di negara ini termasuklah bagi pasaran buah-buahan serta bahan makanan dalam tin memandangkan terdapat permintaan yang banyak di negara ini.

"Setelah hubungan Malaysia-Perancis diperkuatkan semasa pentadbiran Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, inilah peluang terbaik bagi Perdana Menteri sekarang menerokai pasaran baru di Perancis khususnya bagi mempromosikan barangan Malaysia," jelas beliau yang menjadi duta besar sejak 2 Julai lepas. Beliau juga ditugaskan bagi Portugal.

Nilai dagang antara Malaysia dan Perancis pada tahun lepas ialah sebanyak RM9.8 bilion manakala pada tahun 2002, RM11.28 bilion - kedua-duanya memihak kepada Malaysia.

Antara barangan Malaysia yang dibawa masuk ke negara ini ialah semikonduktor, peralatan audio visual dan papan litar manakala antara barangan Perancis yang dieskport ke Malaysia ialah peralatan telekomunikasi, ubat-ubatan dan bahan kimia.

Semasa lawatan tiga hari ini, Abdullah dijangka bertemu dengan para usahawan tempatan dan Persatuan majikan Perancis iaitu MEDEF serta pihak Institut Hubungan Antarabangsa Perancis iaitu sebuah badan pemikir.

Selain perdagangan, kunjungan pertama Abdullah selaku Perdana Menteri ke Perancis, dijangka dapat mempertingkatkan kerjasama dalam bidang lepasan ijazah, latihan bahasa serta latihan bagi para pegawai tentera.

Pada masa ini terdapat 167 pelajar Malaysia tajaan kerajaan sedang belajar di institusi-institusi pengajian tinggi di negara ini dan bagi latihan ketenteraan pula, kerajaan akan menghantar secara berperingkat 126 pegawai Tentera Laut Diraja Malaysia menjalani latihan di negara ini bermula September ini.

"Ketika ini seramai 20 pegawai tentera laut sedang menjalani latihan di Limbungan Cherbourg, 400 km dari sini, yang terlibat dalam pembangunan dua buah kapal selam untuk Malaysia termasuk sebuah bagi kegunaan latihan," katanya.

Hamidah berkata, kemuncak kunjungan Abdullah yang diiringi oleh Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz ialah bertemu Presiden Perancis, Jacques Chirac.

Kedua-dua pemimpin dijangka menyentuh isu-isu berkepentingan bersama dan isu antarabangsa termasuklah perkembangan di Asia Barat.

Abdullah, yang juga Pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM), sudah pasti akan menyuarakan pandangan Malaysia dan OIC serta NAM terhadap isu-isu seperti Palestin dan Iraq.

Kedua-dua pemimpin juga dijangka membincangkan soal sidang kemuncak ASEM yang dijadualkan di Hanoi Oktober ini yang dijangka akan turut dihadiri oleh Chirac. — *Utusan*